



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**1 APRIL 2021 (KHAMIS)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**1 APRIL 2021 (KHAMIS)**

Dua premis pembungkusan makanan diserbu dalam operasi bersepadu di Nilai

## Padah salah guna logo halal, M.C

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** — Dua premis membabitkan sebuah syarikat pembungkusan biskut coklat dan sebuah kilang memproses ka-cang serta muruku diserbu pihak berkuasa dalam operasi bersepadu berhubung isu halal dan standard keselamatan pengguna.

Operasi pertama di sebuah premis di sekitar Nilai, Negeri Sembilan yang disyaki menyalahgunakan logo halal serta penandaan palsu Malaysian Conformity Mark (M.C).

Pengarah Penguataan Ke-menterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, syarikat terbabit didapati menjalankan aktiviti pembungkusan dan pengedaran makanan ringan seperti biskut coklat.

"Syarikat itu disyaki memasukkan hadiah percuma berupa barang makanan ke dalam bungkus atau kotak makanan + ringan dengan meletakkan logo



**PASUKAN** penguata kuasa memeriksa bungkus makanan ringan yang mengandungi barang mainan dengan M.C palsu baru-baru ini.

halal dan M.C yang disyaki tidak mendapat kelulusan pada kotak produk," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Operasi bersepadu itu dijalankan bersama Jabatan Agama

Islam Malaysia (Jakim) serta Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Kementerian Kesihatan.

Azman memberitahu, pemeriksaan menyeluruh serta

semakan ke atas beberapa dokumen mendapat, syarikat terbabit juga tidak mempunyai pen-sijilan halal yang sah daripada Jakim.

Katanya, syarikat itu turut tidak mempunyai Certificate of Confirmation (C.O.C) bagi barang mainan sebagai 'hadiah percuma' yang membolehkan tanda M.C digunakan.

Penandaan M.C menunjukkan produk itu mematuhi standard keselamatan barang mainan.

Berikutnya itu, KPDNHEP menyita produk jualan dan dokumen syarikat tersebut. Sebanyak 1,700 unit barang mainan yang tidak mempunyai tanda pematuhan M.C turut disita.

"Jumlah nilai rampasan ialah RM41,074. Sebanyak empat unit mesin disyaki digunakan untuk tujuan pembungkusan turut dirampas dengan anggaran bernilai RM21,000," katanya.

Kes disiasat di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Perlindungan Pengguna 2011 dan

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembinaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Dalam operasi kedua pula, Azman berkata, ia melibatkan sebuah syarikat pengilang yang menjalankan perniagaan memproses produk makanan seperti ka-cang dan muruku.

"Semakan ke atas beberapa dokumen mendapat syarikat itu memperoleh pensijilan halal sah Jakim yang akan tamat tempoh pada 15 Februari dan 31 Oktober tahun hadapan.

"Namun, pihak Jakim telah mengeluarkan empat notis ketidakakuratan kepada premis terbabit berhubung Pengilangan Kontrak Original Equipment Manufacturer (OEM) dan kawalan halal dalaman," ujarnya.

Katanya, BKMM juga telah mengambil dua kes di bawah Akta Makanan 1983 berhubung penggunaan perkataan 'bahan berperisa' yang tidak dilabelkan pada pembungkusan produk.

HARI :	KHAMIS
TARIKH :	1/4/2021
M/SURAT :	7

**NON-COMPLIANCE**

## Food firm, factory raided over false halal claims

**PUTRAJAYA:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) raided two companies involved in food-related activities on two separate occasions following complaints of using false halal trade descriptions and false Malaysian Conformity (MC) markings.

KPDNHEP enforcement chief Azman Adam said the operation on a company that packaged and distributed light snacks in Nilai, Negeri Sembilan, was carried out after it was suspected of using false halal trade descriptions and

the MC markings on its product boxes.

According to Azman, the company was suspected to have included free gifts in the form of toys into the light snack package or boxes by using a halal logo and MC, which were not approved, on the product boxes.

Azman, in a statement yesterday, said examinations and checks on several documents found the company did not have valid halal certification from the Malaysian Islamic Development Department (Jakim).

It also did not have a Certificate of Confirmation for the toys to be provided as a free gift, which would enable the company to place the MC markings as indications that the goods had complied with toy security standards stipulated on the boxes.

The case was being investigated under the Trade Descriptions Act 2011, Consumer Protection Act 2011 and Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds from Illegal Activities Act 2001, he said.

A total of 1,700 units of toys that

did not have the MC compliance markings and the documents of the company were seized, he said.


In the second operation against a groundnut and murukku factory, Azman said a check on several documents found the company had obtained a valid halal certification from Jakim.

However, Jakim had issued four notices over the non-compliance of the company with the Original Equipment Manufacturing (OEM) and internal halal control. **Bernama**

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 1/4/2021  
M/SURAT : 1



HARI : KHAMIS  
TARIKH : 1/4/2021  
M/SURAT : 1



SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : **KHAMIS**  
TARIKH : **1/4/2021**  
M/SURAT : **16**

	Ayam RM5.99	Telur Gred A RM8.20	Gula Pasir RM2.89	Cili Merah RM5.99
Senarai Harga Barang Keperluan	Daging Lembu Tempatan RM34	Ikan Kembung RM10.90	Bawang Besar Holland RM 2.89	Kubis Tempatan RM2.50
	Daging Lembu Import RM26	Minyak Masak RM5.30	Bawang Putih RM4.99	Tepung Gandum RM2.19
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)**

---

---

**1 APRIL 2021 (KHAMIS)**

## Pindaan Akta Persaingan 2010 lulus

**PUTRAJAYA:** Semua urusan penggabungan dan pengambilalihan syarikat perlu mendapat kebenaran daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) apabila pindaan Akta Persaingan 2010 yang akan dibentangkan hujung tahun ini, diluluskan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, MyCC sudah memulakan proses untuk meminda akta itu bagi memperkenalkan kuasa berkaitan kawalan penggabungan dan pengambilalihan syarikat.

"Pindaan akta ini bertujuan untuk mengelakkan penumpuan pasaran yang boleh menggugat pasaran. Mana-mana syarikat yang bergabung tanpa kebenaran boleh diarahkan untuk memecahkan balik gabungan itu dan boleh dikenakan denda," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai maklum balas terhadap kenyataan Ahli Parlimen Subang, Wong Chen dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar yang dilaporkan mencadangkan agar undang-undang persaingan di negara ini dikaji semula berdasarkan amalan 'monopoli' oleh sesetengah syarikat.

Katanya, kedua-dua Ahli Parlimen tersebut juga dilaporkan telah menamakan syarikat penyedia perkhidmatan pengangkutan e-hailing, Grab sebagai contoh dan menyarankan agar monopoli syarikat pemula niaga bernilai berbilion dollar itu harus dipecahkan.

Menjawab perkara itu, Alexander berkata, Kementerian melalui MyCC telah mengeluarkan satu Keputusan Cadangan terhadap Grab pada Oktober 2019 kerana disyaki menyalahgunakan kedudukan dominannya dalam pasaran yang berkaitan dengan perkhidmatannya.

# MyCC mula proses pinda Akta Persaingan 2010

Pindaan beri kuasa kawal penggabungan, pengambilalihan syarikat

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah memulakan proses meminda Akta Persaingan 2010 bagi memberi kuasa kepada MyCC untuk mengawal penggabungan dan pengambilalihan syarikat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata Akta Persaingan 2010 sekarang tidak memberikan kuasa kepada MyCC untuk mengawal penggabungan dan pengambilalihan syarikat yang akhirnya membentuk entiti mo-

nopoli dalam negara.

Katanya, melalui pindaan akta itu, sebarang penggabungan dan pengambilalihan syarikat perlu mendapat kebenaran MyCC yang bertujuan mengelak penumpuan pasaran yang boleh mengugat pasaran dengan syarikat yang bergabung tanpa kebenaran boleh diarah memecahkan balik gabungan itu dan boleh dikenakan denda.

"Tujuan pindaan ini juga antara lain bagi melindungi proses persaingan dalam pasaran komersial dan memastikan budaya persaingan kondusif," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Merujuk cadangan dua Ahli Parlimen PKR, Nurul Izzah Anwar dan Wong Chen agar undang-undang persaingan di negara ini dikaji semula berdasarkan amalan monopoli oleh sesetengah syarikat, Alexander berkata, MYCC merancang untuk membentangkan pindaan akta berkenaan pada hujung tahun ini.

"MyCC sudah mengambil tin-



*Tujuan pindaan ini juga antara lain melindungi proses persaingan dalam pasaran komersial dan memastikan budaya persaingan kondusif.*

**Alexander Nanta Linggi,**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

dakan terhadap beberapa syarikat seperti MyEG Services Sdn Bhd, DagangNet Sdn Bhd, Malaysian Airlines dan AirAsia yang didapati melanggar perlakuan antipersaingan, sama ada melalui perjanjian antipersaingan atau kartel dan penyalahgunaan kuasa dominan atau monopoli.

"Setakat ini, MyCC mengeluarkan keputusan akhir terhadap syarikat-syarikat terbabit yang membabitkan jumlah denda melebihi RM160 juta. Pada Oktober 2019 pula, MyCC mengeluarkan satu keputusan cadangan terhadap Grab kerana disyaki menyalahgunakan kedudukan dominannya dalam pasaran yang berkaitan dengan perkhidmatannya.

"Keputusan akhir kes berkenaan akan dikeluarkan oleh MyCC selepas mendengar dan meneliti hujahan daripada pihak Grab yang dibuat baru-baru ini. Grab juga dalam kes ini mencabar keputusan cadangan MyCC pada peringkat Mahkamah Rayuan," katanya.

## MyCC bentang pindaan Akta Persaingan 2021 pada hujung tahun ini

**PUTRAJAYA** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) merancang untuk membentangkan pindaan Akta Persaingan 2010 berkaitan kuasa mengawal penggabungan dan pengambilalihan syarikat pada hujung tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, MyCC sudah memulakan proses untuk memindahkan akta itu bagi memper-

kenalkan kuasa tersebut.

Beliau berkata, melalui kuasa itu, sebarang penggabungan dan pengambilalihan syarikat perlu mendapat kebenaran daripada MyCC.

"Ini bertujuan untuk menge-lakkan penumpuan pasaran yang boleh menggugat pasaran."

"Mana-mana syarikat yang ber-gabung tanpa kebenaran boleh di-arahkan untuk memecahkan balik gabungan itu dan boleh diken-

kan denda," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Beliau berkata demikian sebagai maklum balas terhadap kenyataan Ahli Parlimen Subang, Wong Chen dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar yang dilaporkan menca-dangkan agar undang-undang persaingan di negara ini dikaji semula berdasarkan amalan 'mo-nopoli' oleh sesetengah syarikat.

Katanya, kedua-dua Ahli Par-

limen tersebut juga dilaporkan telah menamakan syarikat penye-dia perkhidmatan pengangkutan e-hailing, Grab sebagai contoh dan menyarankan agar monopoli syarikat pemula niaga bernilai ber-billion dolar itu harus dipecahkan.

Menjawab perkara itu, Alexan-der berkata, KPDNHEP melalui MyCC telah mengeluarkan satu Keputusan Cadangan terhadap Grab pada Oktober 2019 kera-na disyaki menyalahgunakan

kedudukan dominannya dalam pasaran yang berkaitan dengan perkhidmatannya.

Menurutnya, MyCC juga telah mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat yang melanggar perlakuan antipersaingan sama ada melalui perjanjian antipersaingan atau kartel dan penyalahgunaan kuasa domi-nan atau monopoli melibatkan jumlah denda melebihi RM160 juta.

HARI :	KHAMIS
TARIKH :	1/4/2021
M/SURAT :	11

## MyCC starts process to amend Competition Act 2010

**PUTRAJAYA:** The Malaysian Competition Commission (MyCC) has initiated the process to amend the Competition Act 2010 to give it the power to control mergers and acquisitions of companies.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said that unlike those of other countries, Malaysia's Competition Act 2010 did not give power to the MyCC to control mergers and acquisitions of companies which could lead to the creation of a monopoly in the country.

With the amendments, Nanta said, any merger or acquisition of companies will require prior approval from the MyCC, a move to prevent market concentration that could jeopardise the market.

"Companies that merged without approval can be ordered to demerge and can also be fined," he said in a statement yesterday in response to the suggestions by PKR Members of Parliament Nurul Izzah Anwar and Wong Chen for the competition law in the country to be reviewed based on the monopoly practice by certain companies.

The minister said the MyCC, the ministry's agency overseeing the enforcement of the Act to protect the process of competition in the commercial market and ensure a conducive culture of competition, is planning to table the amendments to the Act by the end of this year.

Nanta said the MyCC had also taken action against several companies, such as MyEG

Services Sdn Bhd, DagangNet Sdn Bhd, Malaysian Airlines and AirAsia, after finding them violating the competition regulations either through agreements, cartel, abuse of dominant power or monopoly.

He said the MyCC had issued its final decision against those companies involving fines of more than RM160 million.

In October 2019, MyCC also looked into the matter involving Grab which was alleged to have abused its dominant position in the market.

The final decision on the matter will be made after hearing and studying Grab's submissions on the matter.

Grab has challenged the MyCC's decision in the case at the Appeals Court. - Bernama



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (BERITA UMUM)**

---

---

**1 APRIL 2021 (KHAMIS)**

## Kabinet perlu beri sokongan kepada kerajaan

**PETALING JAYA:** Menteri dan timbalan menteri seharusnya sentiasa menyatakan sokongan kepada kerajaan Perikatan Nasional (PN) demi memastikan kestabilan politik negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kestabilan politik penting dalam memberi persepsi yang baik kepada negara-negara luar.

Katanya, seharusnya Kabinet perlu ingat bahawa mereka mempunyai tanggungjawab berkhidmat kepada rakyat.

"Kerajaan perlu stabil bagi memastikan pandangan orang luar pada kita. Kalau kita tunjuk tidak stabil, mana ada orang luar (pelabur) hendak datang.

"Jika kita kekurangan orang



**ROSOL WAHID**

luar, banyak yang akan terjejas. Ekonomi, pelancongan semua terjejas," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Menurut Rosol, sememangnya PN tidak lari daripada hal-hal yang berbeza pendapat kerana dibentuk daripada pelbagai parti komponen.

Katanya, sememangnya dalam keluarga perbezaan pendapat, maka ia perlu diselesaikan secara dalaman.

"Duduk dalam satu rumah, kita selesai secara dalaman. Jangan ajak orang luar bantu selesaikan.

"Tanggungjawab kita adalah bersama-sama mentadbir kerajaan demi rakyat. setahun lebih penubuhan PN," katanya yang juga Ahli Majlis Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

Bagi Naib Presiden Bersatu, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman berkata, UMNO, Bersatu dan beberapa parti komponen

lain yang membentuk gabungan PN telah berjaya membina tamadun parti Melayu Islam sepanjang mentadbir negara dan mendengar denyut nadi rakyat.

"Saya tidak nampak masalah sebenarnya UMNO berada dalam PN. Tidak perlulah letak jawatan kerana kalau letak jawatan kemudian dalam masa ini pun kerajaan tidak jatuh juga. Kenapa UMNO mahu jatuhkan parti yang didukung oleh bangsanya sendiri?

"Tidak logiklah. Saya harap UMNO tidak berbuat demikian. Bolehkah masyarakat Melayu Islam yang secara jelasnya merupakan kumpulan dominan dalam negara dapat mentadbir dengan adil dan baik jika UMNO membawa haluan sendiri?," katanya.